

Terma dan syarat Peraduan 'Refer & Rewards'

Penganjur dan syarat kelajakan

1. Peraduan 'Refer & Rewards' ("Peraduan") dianjurkan oleh CTOS Data Systems Sdn. Bhd. ("CTOS")
2. Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada 15/02/2017 ("Peserta Yang Layak") kecuali kakitangan CTOS dan ahli keluarga mereka yang terdekat.
3. CTOS berhak untuk mengecualikan dan / atau membatalkan penyertaan Peserta yang melanggar Terma dan Syarat Peraduan ini.

Butiran peraduan

1. Peserta yang layak akan memperolehi Mata Ganjaran, dimana ia akan digunakan sebagai Penyertaan untuk Cabutan Mingguan setiap minggu. Mata Ganjaran diperolehi dengan membeli Laporan CTOS Skor dan / atau dengan merujuk pengguna baru untuk mendaftar CTOS ID Pengguna.
2. Kedua-dua pengguna baru yang dirujuk dan Peserta yang layak akan mendapat 5 Mata Ganjaran setiap satu apabila ID pengguna baru telah berjaya disahkan oleh CTOS. 10 Mata Ganjaran akan diberikan dengan setiap pembelian laporan Skor CTOS oleh Peserta yang Layak.
3. Peserta mesti mendaftar atau mempunyai CTOS ID Pengguna untuk mengambil bahagian dalam Peraduan ini, memperolehi Mata Ganjaran dan layak untuk Cabutan Mingguan.
4. Setiap pemenang berhak mendapat hanya satu hadiah bagi sepanjang tempoh peraduan.
5. Mata Ganjaran terkumpul Peserta yang tidak memenangi dalam mana-mana cabutan akan dibawa ke minggu yang berikutnya sehingga tempoh peraduan tamat.
6. Cabutan akan diadakan sebanyak 8 (lapan) pusingan:
 - Pusingan 1: 15-21 Feb 2017 Keputusan Pengumuman: 23 Feb 2017
 - Pusingan 2: 22-28 Feb 2017 Keputusan Pengumuman: 2 Mac 2017
 - Pusingan 3: 1 -7 Mac 2017 Keputusan Pengumuman: 9 Mac 2017
 - Pusingan 4: 8-14 Mac 2017 Keputusan Pengumuman: 16 Mac 2017
 - Pusingan 5: 15-21 Mac 2017 Keputusan Pengumuman: 23 Mac 2017
 - Pusingan 6: 22-28 Mac 2017 Keputusan Pengumuman: 30 Mac 2017
 - Pusingan 7: 29 Mac-4 April 2017 Keputusan Pengumuman: 6 Apr 2017
 - Pusingan 8: 5-11 April 2017 Keputusan Pengumuman: 13 Apr 2017
7. Keputusan Peraduan akan diumumkan di laman web CTOS, www.ctoscredit.com.my dan CTOS Facebook pada hari Khamis selepas setiap pusingan cabutan. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel dan telefon pada atau sebelum 13 April 2017.
8. Hadiah untuk Cabutan Mingguan adalah iPhone 7 32GB bernilai RM3,199.
9. Peraduan ini akan berlangsung dari **15/02/2017 kepada 11/04/2017**. CTOS berhak untuk mengubah, menangguhkan, jadual semula dan / atau melanjutkan Tempoh Peraduan dan / atau membatalkan / menamatkan Peraduan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

Hak CTOS

1. CTOS berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, menggantikan mana-mana Hadiah Cabutan Mingguan dengan nilai yang sama, pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Hadiah Cabutan Mingguan tidak boleh dipindah milik dan ditukar dengan wang tunai, kredit dan barangan lain atau baucar, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
2. Dengan menyertai peraduan ini, semua Peserta bersetuju dan mengakui bahawa semua hak harta intelek adalah milik CTOS dan setiap Peserta bersetuju dengan penggunaan, pemprosesan dan / atau pendedahan maklumat peserta oleh CTOS untuk tujuan Peraduan.

Perlindungan Data

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi /persetujuannya kepada CTOS dan mana-mana ahli-ahli kumpulan seperti yang dikehendaki di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 untuk memproses maklumat Peserta yang layak untuk tujuan Peraduan. Ini termasuk mengumumkan nama pemenang (Peserta yang Layak) kepada umum atau mengambil bahagian dalam acara-acara kami yang menyiarkan nama, gambar-gambar dan maklumat lain Peserta tanpa pampasan bagi tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. CTOS memerlukan maklumat peribadi Peserta yang Layak untuk memproses penyertaannya dalam Peraduan ini.

Terma dan Syarat ini terdapat dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Jika terdapat percanggahan dan keraguan, penggunaan Terma dan Syarat dalam Bahasa Inggeris adalah terpakai.